

MEMO

Kepada : Semua Peserta Skim Takaful Berkelompok Angkatan Tentera Malaysia

Daripada : Pengurus Insurans

Tarikh : 30 September 2015

Bil : KAT/InsT-2015/09/03

Perkara : **PENGUNAAN BORANG BAHARU BAGI TUNTUTAN SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (STBATM)**

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa borang tuntutan Skim Takaful Berkelompok Angkatan Tentera Malaysia (STBATM) telah dikemaskini mengikut keperluan semasa dan kehendak pengendali takaful iaitu Great Eastern Takaful Berhad (GETB).

1. **Nombor rujukan borang baharu** adalah seperti berikut:-


NAMA BORANG	NO RUJUKAN BORANG
TUNTUTAN KECEDEeraan	
Senarai Semak Dokumen Tuntutan Kecederaan	Berwarna biru
Borang Tuntutan Kecederaan (Kembaran G)	KT/INS/STBATM/T01 (01/2015)
Borang Laporan Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) dan Hilang Upaya Separa & Kekal (HUSK) (Kembaran D)	KT/INS/STBATM/T02 (01/2015)
Borang Pengesahan Kecederaan	KT/INS/STBATM/T03 (01/2015)
TUNTUTAN KEMATIAN	
Senarai Semak Dokumen Tuntutan Kematian	Berwarna merah jambu
Borang Tuntutan Kematian (Kembaran F)	KT/INS/STBATM/T04 (01/2015)
Borang Tuntutan Kematian Anak (Kembaran H)	KT/INS/STBATM/T05 (01/2015)

2. **Borang Pengesahan Kecederaan** – borang ini telah direka khas bagi menggantikan Borang BAT F 117. Borang tersebut perlu diisi dan ditandatangani oleh Pegawai Perubatan dan Pegawai Memerintah anggota yang ingin membuat tuntutan kecederaan.
3. **Tarikh kuatkuasa** – Tarikh penggunaan borang baharu ini adalah **berkuatkuasa serta merta**. **Sahlaku borang lama** – Tarikh akhir penerimaan borang tuntutan lama daripada semua peserta adalah sehingga 31 Disember 2015.
4. **Berkuatkuasa 04 Januari 2016**, semua borang lama tidak boleh digunapakai lagi. Bagi mana-mana tuntutan yang menggunakan borang lama akan dikembalikan kepada peserta.
5. Sila majukan dokumen tuntutan yang lengkap ke alamat:

**Unit Tuntutan Bahagian Insurans
Koperasi Tentera
Wisma Koperasi Tentera
No 1 Jalan 2/65C Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur**

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan tuntutan, sila hubungi Unit Tuntutan, Bahagian Insurans atau mana-mana Pejabat Cawangan Koperasi Tentera untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.



ROSELINDA ABDUL LATIFF
Pengurus Insurans